

Lembaga penyiasat akan ditubuh

(2) SUBANG 6 April — Sebuah lembaga penyiasat akan ditubuhkan tidak lama lagi untuk menyiasat kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) yang mengorbankan tiga jiwa awal pagi ini, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, lembaga itu akan menjalankan siasatan terperinci sebelum sebarang pengumuman boleh dibuat mengenai punca kejadian.

Dr. Mahathir melahirkan

rasa dukacita di atas kematian ketiga-tiga mangsa kebakaran itu.

Katanya, ketiga-tiganya mungkin mati kerana terperangkap dalam asap tebal dan tidak sempat melarikan diri.

Perdana Menteri yang diberi taklimat oleh pegawai Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Bomba mengenai kejadian itu berkata, kebakaran bermula di kedai coklat di kawasan kedai cukai bebas di bahagian selatan Terminal Satu.

"Hampir semua kedai-kedai

bebas cukai di bahagian hadapan iaitu yang bersetentangan dengan jalan raya musnah, tetapi yang berhadapan dengan landasan terjejas sedikit sahaja," katanya kepada para pemberita selepas meninjau keadaan di tempat kejadian pagi ini.

Beliau tiba kira-kira pukul 8.30 pagi dan berada di situ hampir tiga jam.

Dalam kebakaran yang berlaku pukul 1.50 pagi ini, tiga pengawal keselamatan terbunuh, dua daripadanya adalah wanita.

Beliau menambah, anggota-anggota bomba memberitahunya, mereka menghadapi kesukaran untuk memadamkan api kerana cermin dinding dari jenis tahan gegaran di bahagian selatan bangunan itu sukar dipecahkan.

Beliau seterusnya memberitahu, keadaan ini disukarkan lagi dengan sistem perenjis air automatik tidak dapat membantu dalam pencegahan awal kerana barang-barang disusup tinggi di bahagian belakang kedai mengakibatkan sebaran air tidak menyeluruh.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, semua pihak sekurangnya boleh bersyukur kerana kebakaran tidak menjejaskan langsung bahagian utama dan bahagian utara lapangan terbang.

Beliau juga dimaklumkan bahawa api cepat merebak melalui siling bangunan yang menjadi lebur akibat panas.

Dr. Mahathir berada di tempat kejadian bersama-sama Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid Megat Ayob dan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.